

01/09/2001

Kebajikan kanak-kanak wajar dijaga

KANAK-KANAK adalah amanah Allah kepada umatnya dan perlu dijaga serta dipelihara dengan sempurna. Bagaimanapun, kita kerap mendengar amanah itu tidak dijalankan dengan sebaiknya, malah kebajikan kanak-kanak kerap diabaikan. Berikutan itu, dalam masyarakat hari ini, kita menyaksikan banyak kes pengabaian kebajikan kanak-kanak, seperti anak ditinggalkan ibu bapa, tidak mendapat pendidikan sempurna dan didera. Keadaan ini amat menyedihkan kerana mereka sepatutnya diberi perhatian supaya boleh menjadi warga berguna apabila dewasa.

Kita sebagai masyarakat Timur yang kaya dengan tatasusilanya dan semangat sayangkan sesama insan, perlu merenung perkara ini dan mencari sebab mengapa keadaan deraan terhadap kanak-kanak boleh berlaku. Diharapkan 'Kempen Katakan Ya Bagi Kanak-Kanak' yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, dapat memberikan perhatian terhadap usaha menyedarkan masyarakat terhadap pentingnya kanak-kanak diberi perhatian dan perlindungan. Kempen ini akan dapat menyedarkan semua pihak, terutama ibu bapa dan penjaga.

(END)